

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN II **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan pula bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah RM733.63 juta, menurun sebanyak RM151 juta berbanding RM884.63 juta pada akhir tahun 2020.
- Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mencatatkan defisit semasa Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM100.07 juta berbanding defisit pada tahun 2020 berjumlah RM42.13 juta.
- Kutipan hasil menurun sebanyak RM50.44 juta (11.3%) menjadi RM397.44 juta berbanding RM447.88 juta pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya menurun sebanyak RM24.25 juta (5.8%) kepada RM395.81 juta pada tahun 2021 berbanding RM420.06 juta pada tahun 2020.
- Tunggakan hasil pada tahun 2021 menurun sebanyak RM4.25 juta (2.8%) menjadi RM145.15 juta berbanding RM149.40 juta pada tahun 2020.
- Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan kurangan berjumlah RM19.32 juta pada tahun 2021 berbanding lebihan sejumlah RM0.63 juta pada tahun 2020. Sejumlah RM144.44 juta (94.4%) telah dibelanjakan pada tahun 2021 berbanding RM153 juta yang diperuntukkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.07 juta (11.1%) menjadi RM40.66 juta berbanding RM45.73 juta pada tahun 2020. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut telah berkurang sebanyak RM0.32 juta (2.2%) kepada RM13.99 juta pada tahun 2021 berbanding RM14.31 juta pada tahun 2020.
- Jumlah Pelaburan pada tahun 2021 dan 2020 adalah tidak berubah iaitu sebanyak RM47.72 juta.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM1.66 juta (0.2%) menjadi RM927.53 juta berbanding RM929.19 juta pada tahun 2020. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM47.57 juta (13%) menjadi RM412.43 juta berbanding RM364.86 juta pada tahun 2020.

Apa yang disyorkan Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

Audit?

- memastikan pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan 58(a) di mana permohonan pembayaran hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Selain itu, Pejabat Kewangan Negeri Sembilan perlu mengambil langkah penambahbaikan yang lebih proaktif bagi menangani isu berulang iaitu pembayaran di bawah AP58(a);
- meningkat dan mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan negeri serta meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar kerajaan tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri;
- merangka strategi bagi meningkatkan hasil dan mempertingkat perbelanjaan pembangunan yang boleh memberikan pulangan dan menjana hasil kepada Kerajaan negeri untuk jangka masa panjang; dan
- memantau serta berusaha memungut baki ABT sejumlah RM145.15 juta serta tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi negeri sejumlah RM13.99 juta. Liabiliti Kerajaan negeri juga perlu diimbangi dengan membuat pembayaran bagi Hutang Awam secara berkala dalam jumlah yang konsisten.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

| PRESTASI KEWANGAN | KUMPULAN WANG DISATUKAN | AKAUN MEMORANDUM |
|----------------------|--------------------------------------|----------------------------------|
| ↓ HASIL | ↓ AKAUN HASIL DISATUKAN | ↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT |
| 2021 – RM397.44 Juta | 2021 – RM374.57 Juta | 2021 – RM40.66 Juta |
| 2020 – RM447.88 Juta | 2020 – RM474.64 Juta | 2020 – RM45.73 Juta |
| ↑ BELANJA | DEFISIT AKAUN HASIL DISATUKAN | PELABURAN |
| 2021 – RM540.25 Juta | 2021 – RM100.07 Juta | 2021 – RM47.72 Juta |
| 2020 – RM512.60 Juta | 2020 – RM42.13 Juta | 2020 – RM47.72 Juta |
| | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN | ↓ HUTANG AWAM |
| | 2021 – RM0 | 2021 – RM927.53 Juta |
| | 2020 – RM0 | 2020 – RM929.19 Juta |
| | ↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN | |
| | 2021 – RM359.06 Juta | |
| | 2020 – RM409.99 Juta | |

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021, juga membuat analisis mengikut prinsip Asas Perakaunan Tunai Ubah Suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2021, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM397.44 juta adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Manakala penggunaan dana sejumlah RM540.25 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus berjumlah RM395.81 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM144.44 juta. Butiran Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| PERKARA | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|--|-------------------|-------------------|----------------|---------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Hasil | 397.44 | 447.88 | (50.44) | (11.3) |
| Tolak: | | | | |
| Perbelanjaan Mengurus (Termasuk bayaran balik Pinjaman Dalam Negeri tetapi tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan) | 395.81 | 420.06 | (24.25) | (5.8) |
| LEBIHAN/(KURANGAN) | 1.63 | 27.82 | (26.19) | (94.1) |
| Tolak: | | | | |
| Perbelanjaan Pembangunan | 144.44 | 92.54 | 51.90 | 56.1 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN | (142.81) | (64.72) | (78.09) | 120.7 |
| LEBIHAN DISOKONG/(KURANGAN DIBIAYAI) OLEH: | | | | |
| Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan | (23.42) | (23.22) | (0.20) | 0.9 |
| Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah | (119.39) | (41.50) | (77.89) | 187.7 |
| JUMLAH PEMBIAYAAN | (142.81) | (64.72) | (78.09) | 120.7 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

3.3. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Kurangan keseluruhan direkodkan pada tahun 2021 berjumlah RM142.81 juta berbanding kurangan keseluruhan RM64.72 juta pada tahun 2020, iaitu perbezaan sejumlah RM78.09 juta. Kurangan pada tahun 2021 adalah disebabkan penurunan hasil sebanyak RM50.44 juta (11.3%), iaitu daripada RM447.88 juta pada tahun 2020 kepada RM397.44 juta pada tahun 2021.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM733.63 juta. Jumlah tersebut merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai sejumlah RM272.38 juta dan Pelaburan sejumlah RM461.25 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | BUTIRAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|---|-------------------|-------------------|-----------------|---------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Akaun Hasil Disatukan | 374.57 | 474.64 | (100.07) | (21.1) |
| 2. | Akaun Pinjaman Disatukan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| 3. | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 359.06 | 409.99 | (50.93) | (12.4) |
| | i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 73.43 | 80.36 | (6.93) | (8.6) |
| | • <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i> | (350.03) | (330.70) | (19.33) | 5.8 |
| | • <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i> | (5.63) | (17.99) | 12.36 | (68.7) |
| | • <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | 429.09 | 429.05 | 0.04 | 0.0 |
| | ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 159.48 | 173.59 | (14.11) | (8.1) |
| | iii. Akaun Wang Deposit | 126.15 | 156.04 | (29.89) | (19.2) |
| JUMLAH | | 733.63 | 884.63 | (151.00) | (17.1) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

4.2. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sebanyak RM151 juta (17.1%) iaitu daripada RM884.63 juta pada tahun 2020 kepada RM733.63 juta pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan perubahan dalam Akaun Hasil Disatukan yang menurun sebanyak RM100.07 juta (21.1%) dan Akaun Amanah Disatukan yang menurun sebanyak RM50.93 juta. Penurunan ini disumbangkan oleh Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit yang masing-masing menurun sebanyak RM6.93 juta (8.6%), RM14.11 juta (8.1%) dan RM29.89 juta (19.2%).


4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan peningkatan kecuali pada tahun 2018 dan 2021. Baki pada akhir tahun 2020 merupakan kedudukan yang tertinggi bagi tempoh lima tahun. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BIL. | BUTIRAN | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|------|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Akaun Hasil Disatukan | 342.85 | 369.30 | 516.77 | 474.64 | 374.57 |
| 2. | Akaun Pinjaman Disatukan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| 3. | Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada: | 383.11 | 318.46 | 358.26 | 409.99 | 359.06 |
| i. | Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | (7.72) | (17.03) | 51.11 | 80.36 | 73.43 |
| • | <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i> | (331.62) | (331.37) | (331.34) | (330.70) | (350.03) |
| • | <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i> | (30.93) | (30.63) | (29.72) | (17.99) | (5.63) |
| • | <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | 354.83 | 344.97 | 412.17 | 429.05 | 429.09 |
| ii. | Kumpulan Wang Amanah Awam | 123.37 | 112.93 | 138.30 | 173.59 | 159.48 |
| iii. | Akaun Wang Deposit | 267.46 | 222.56 | 168.85 | 156.04 | 126.15 |
| | JUMLAH | 725.96 | 687.76 | 875.03 | 884.63 | 733.63 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan pada 31 Disember. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan merupakan wang tunai yang belum dibankkan dan wang dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada panjar wang runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan penurunan sebanyak RM73.01 juta (21.1%) menjadi RM272.38 juta pada tahun 2021 berbanding RM345.39 juta pada tahun 2020. Punca utama penurunan tersebut adalah pengurangan baki Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM73 juta daripada RM345.23 juta pada tahun 2020 kepada RM272.23 juta pada tahun 2021. Kedudukan wang tunai pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BUTIRAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|---------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Wang Tunai Dalam Bank | 272.23 | 345.23 | (73.00) | (21.1) |
| Wang Tunai Dalam Perjalanan | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.0 |
| Wang Dalam Tangan | 0.15 | 0.16 | (0.01) | (6.25) |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 272.38 | 345.39 | (73.01) | (21.1) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan dana. Pada tahun 2021, pelaburan Kerajaan negeri terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang menggunakan Kumpulan Wang dan Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am, selain daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah, merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan.

5.2.2. Pada akhir tahun 2021, pelaburan Kerajaan negeri yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan berjumlah RM461.25 juta, menurun sebanyak RM78 juta (14.5%) daripada RM539.24 juta pada tahun 2020. Punca utama penurunan tersebut adalah pencairan pelaburan sebanyak RM398 juta dan seterusnya Kerajaan negeri telah membuat pelaburan sukuk di pelbagai institusi kewangan yang keseluruhannya berjumlah RM320 juta. Kerajaan negeri sentiasa memantau pulangan keuntungan pelaburan dan merangka strategi dan mengenal pasti pelaburan yang memberikan pulangan yang lebih baik. Pada akhir tahun 2021, faedah yang diterima daripada pelaburan Kerajaan negeri adalah berjumlah RM25.53 juta berbanding RM42.04 juta pada akhir tahun 2020.

5.2.3. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2017 hingga 2020, manakala bagi tahun 2021 berlaku penurunan. Baki pada akhir tahun 2020 merupakan


kedudukan yang tertinggi bagi tempoh lima tahun. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Carta 2**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | PELABURAN | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | | |
|--------------------------------------|---|---------------|---------------|-----------------|---------------|--|
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) | |
| PELABURAN AM | | | | | | |
| PELABURAN SIMPANAN TETAP | | 140.78 | 281.56 | (140.78) | (50.0) | |
| 1. | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd. | 0.00 | 40.00 | (40.00) | (100.0) | |
| 2. | RHB Islamic Bank Bhd. | 0.00 | 115.00 | (115.00) | (100.0) | |
| 3. | Bank Islam (M) Bhd. | 40.78 | 80.77 | (39.99) | (49.5) | |
| 4. | RHB Bank (M) Bhd. | 100.00 | 37.79 | 62.21 | 164.6 | |
| 5. | CIMB Bank (M) Bhd. | 0.00 | 8.00 | (8.00) | (100.0) | |
| PELABURAN SUKUK | | | | | | |
| PELABURAN SUKUK | | 320.00 | 257.21 | 62.79 | 24.4 | |
| 6. | Maybank Investment Berhad (Sukuk Fund) | 0.00 | 82.79 | (82.79) | (100.0) | |
| 7. | Kenanga Investor Bhd. (Asnita Bond Sukuk Fund) | 5.00 | 5.00 | 0.00 | 0.0 | |
| 8. | RHB Bank (M) Bhd. (Sukuk Dana Syamel) | 37.79 | 0.00 | 37.79 | 100.0 | |
| 9. | Maybank (M) Bhd. (Sukuk Fund - MYR) | 20.00 | 0.00 | 20.00 | 100.0 | |
| 10. | Bank Islam (M) Bhd. (ESG Sukuk Fund Class D Institution) | 20.00 | 7.42 | 12.58 | 169.5 | |
| 11. | Maybank (M) Bhd. (Sukuk Fund – MMSF) | 25.00 | 0.00 | 25.00 | 100.0 | |
| 12. | Aiiman Affin Hwang (Aiiman Income Plus D Fund – AIPF) | 20.00 | 162.00 | (142.00) | (87.7) | |
| 13. | Affin Hwang Asset Management Bhd. (AMB Discretionary Portfolio Mandate – DPM) | 15.00 | 0.00 | 15.00 | 100.0 | |
| 14. | Affin Hwang Asset Management Bhd. (AMB Flexy Maturity Income Fund 17) | 127.00 | 0.00 | 127.00 | 100.0 | |
| 15. | Maybank Islamic (M) Bhd. (Sukuk Dana Infra Nasional Bhd.) | 5.00 | 0.00 | 5.00 | 100.0 | |
| 16. | Maybank Asset Management (Sukuk DRB HMK2024) | 15.08 | 0.00 | 15.08 | 100.0 | |
| 17. | Maybank Asset Management (Sukuk HMK2024) | 20.08 | 0.00 | 20.08 | 100.0 | |
| 18. | Maybank Asset Management (Sukuk MBSB ASIFIN2029) | 10.05 | 0.00 | 10.05 | 100.0 | |
| PELABURAN AKAUN AMANAH | | | | | | |
| JABATAN MUFTI NEGERI SEMBILAN | | 0.40 | 0.40 | 0.00 | 0.0 | |
| 19. | Bank Islam (M) Bhd. | 0.00 | 0.10 | (0.10) | (100.0) | |
| 20. | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd. | 0.20 | 0.10 | 0.10 | 100.0 | |
| 21. | RHB Bank (M) Bhd. | 0.20 | 0.20 | 0.00 | 0.0 | |
| JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH | | 0.07 | 0.07 | 0.00 | 0.0 | |
| 22. | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd. | 0.05 | 0.05 | 0.00 | 0.0 | |
| 23. | Bank Islam (M) Bhd. | 0.02 | 0.02 | 0.00 | 0.0 | |
| JUMLAH | | 461.25 | 539.24 | 78.00 | 14.5 | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2020 dan 2021

CARTA 2
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi sesuatu tahun kewangan selaras dengan Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan defisit Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM100.07 juta berbanding defisit pada tahun 2020 berjumlah RM42.13 juta, iaitu pertambahan defisit sebanyak RM57.94 juta (137.5%). Pertambahan defisit ini adalah kesan daripada pengurangan hasil berjumlah RM50.44 juta (11.3%) diikuti dengan peningkatan perbelanjaan berjumlah RM7.50 juta (1.5%). Dengan mengambil kira defisit ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2021 berkurangan kepada RM374.57 juta berbanding RM474.64 juta pada tahun 2020. Butirannya adalah seperti dalam

Jadual 6.

JADUAL 6
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BUTIRAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|---------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 474.64 | 516.77 | (42.13) | (8.2) |
| Hasil | 397.44 | 447.88 | (50.44) | (11.3) |
| Perbelanjaan* | 497.51 | 490.01 | 7.5 | 1.5 |
| DEFISIT | (100.07) | (42.13) | (57.94) | 137.5 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 374.57 | 474.64 | (100.07) | (21.1) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) - Perbelanjaan termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan RM101.70 juta (2021); RM69.96 juta (2020)


6.3. Analisis perbandingan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 pula mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM516.77 juta pada tahun 2019 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima tahun. Bagaimanapun baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun kepada RM474.64 juta pada tahun 2020 dan RM374.57 juta pada tahun 2021, berbanding dengan trend peningkatan dari tahun 2017 ke tahun 2019. Berdasarkan rekod sebelum ini, kali terakhir Kerajaan negeri mencatatkan defisit hasil adalah pada tahun 2009 berjumlah RM4.46 juta. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 3**.

JADUAL 7
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BUTIRAN | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Baki Pada 1 Januari | 316.54 | 342.85 | 369.30 | 516.77 | 474.64 |
| Hasil | 413.46 | 421.24 | 556.44 | 447.88 | 397.44 |
| Perbelanjaan | 387.15 | 394.79 | 408.97 | 490.01 | 497.51 |
| LEBIHAN/(DEFISIT) | 26.31 | 26.45 | 147.47 | (42.13) | (100.07) |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 342.85 | 369.30 | 516.77 | 474.64 | 374.57 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada tiga kategori, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2021, kutipan hasil sebenar berjumlah RM397.44 juta (88.7%) adalah lebih rendah berbanding anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM448 juta, iaitu perbezaan sebanyak RM50.56 juta (11.3%). Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Malaysia bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021 berikutan berlakunya pandemik Covid-19 merupakan faktor utama yang menyebabkan sasaran hasil tidak dapat dicapai pada tahun 2021. Jumlah hasil sebenar berbanding anggaran pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN PADA TAHUN 2021

| BIL. | KATEGORI HASIL | ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta) | HASIL SEBENAR (RM Juta) | PERBEZAAN | |
|---------------|----------------------|----------------------------------|----------------------------|----------------|---------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Hasil Cukai | 155.60 | 146.88 | (8.72) | (5.6) |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 230.49 | 192.33 | (38.16) | (16.6) |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 61.91 | 58.23 | (3.68) | (5.9) |
| JUMLAH | | 448.00 | 397.44 | (50.56) | (11.3) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021

6.4.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 menurun sebanyak RM50.44 juta daripada RM447.88 juta pada tahun 2020 menjadi RM397.44 juta pada tahun 2021, iaitu penurunan sebanyak 11.3%. Penurunan tersebut disebabkan oleh penurunan bagi dua kategori hasil iaitu Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing menurun sebanyak RM41.41 juta (17.7%) dan RM11.14 juta (16.1%). Manakala Hasil Cukai pula meningkat sebanyak RM2.11 juta (1.5%).

6.4.3. Hasil Cukai meningkat sebanyak RM2.11 juta (1.5%) kepada RM146.88 juta pada tahun 2021 berbanding RM144.77 juta pada tahun 2020. Hasil Bukan Cukai pula menurun sebanyak RM41.41 juta (17.7%) kepada RM192.33 juta pada tahun 2021 berbanding RM233.74 juta pada tahun 2020. Manakala Terimaan Bukan Hasil juga mencatatkan penurunan sebanyak RM11.14 juta (16.1%) menjadi RM58.23 juta pada tahun 2021 berbanding RM69.37 juta pada tahun 2020. Penurunan ketara Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil adalah disebabkan tiada pemberian pertambahan hasil diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021. Selain itu, Kerajaan negeri memberi diskain sebanyak 25% dan 15% ke atas bayaran premium pembangunan tanah (pemberian milikan dan tukar syarat) bagi pemohon/pembayar yang menjelaskan bayaran premium secara sekaligus masing-masing dalam tempoh 30 hari dan 60 hari. Pemberian diskain ini adalah merupakan inisiatif Kerajaan negeri berikut pelaksanaan PKP. Jumlah hasil pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | KATEGORI HASIL | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|----------------------|-------------------|-------------------|----------------|---------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Hasil Cukai | 146.88 | 144.77 | 2.11 | 1.5 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 192.33 | 233.74 | (41.41) | (17.7) |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 58.23 | 69.37 | (11.14) | (16.1) |
| JUMLAH | | 397.44 | 447.88 | (50.44) | (11.3) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020


6.4.4. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh 2017 hingga 2021 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2020 dan 2021. Tahun 2019 mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM556.44 juta bagi tempoh lima tahun tersebut. Trend kutipan hasil bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 10** dan **Carta 4**.

JADUAL 10
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BIL. | KATEGORI HASIL | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|------|----------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Hasil Cukai | 138.27 | 136.42 | 147.91 | 144.77 | 146.88 |
| 2. | Hasil Bukan Cukai | 204.71 | 223.37 | 288.55 | 233.74 | 192.33 |
| 3. | Terimaan Bukan Hasil | 70.48 | 61.45 | 119.98 | 69.37 | 58.23 |
| | JUMLAH | 413.46 | 421.24 | 556.44 | 447.88 | 397.44 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 Hingga 2021

CARTA 4
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 Hingga 2021

6.4.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri adalah daripada kutipan Cukai Tanah; Perolehan daripada Jualan Barang-Barang; Terimaan dari Agensi Kerajaan; Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit; serta Faedah dan Perolehan dari Pelaburan. Semua hasil tersebut menyumbang sejumlah RM362.30 juta atau 91.2% daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2021 yang keseluruhannya berjumlah RM397.44 juta.

6.4.6. Hasil cukai tanah merupakan penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2021 dengan jumlah RM143.88 juta (36.2%) daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri. Penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah Perolehan daripada Jualan Barang-Barang dan Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan dengan masing-masing berjumlah RM98.90 juta (24.9%) dan RM55.50 juta (14.0%). Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 11**. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun dari tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 11
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | PERIHAL HASIL | 2021 | | 2020 | |
|--------------------------------------|--|----------------------|-------------|----------------------|-------------|
| | | (RM Juta) | (%) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Cukai Tanah | 143.88 | 36.20 | 140.53 | 31.4 |
| 2. | Perolehan daripada Jualan Barang-barang | 98.90 | 24.9 | 127.67 | 28.5 |
| 3. | Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan | 55.50 | 14.0 | 65.94 | 14.7 |
| 4. | Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 38.49 | 9.7 | 41.14 | 9.2 |
| 5. | Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 25.53 | 6.4 | 42.04 | 9.4 |
| JUMLAH PENYUMBANG UTAMA HASIL | | 362.30 | 91.2 | 417.32 | 93.2 |
| JUMLAH HASIL | | RM397.44 Juta | | RM447.88 Juta | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BIL. | PERIHAL HASIL | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|---------------|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Cukai Tanah | 130.38 | 128.72 | 141.01 | 140.53 | 143.88 |
| 2. | Perolehan daripada Jualan Barang-barang | 105.87 | 121.50 | 174.34 | 127.67 | 98.90 |
| 3. | Terimaan dari Agensi Kerajaan | 61.62 | 56.87 | 114.23 | 65.94 | 55.50 |
| 4. | Lesen Bayaran Pendaftaran dan Permit | 38.76 | 38.49 | 45.38 | 41.14 | 38.49 |
| 5. | Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 30.64 | 37.01 | 34.59 | 42.04 | 25.53 |
| JUMLAH | | 367.27 | 382.59 | 509.55 | 417.32 | 362.30 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 Hingga 2021

6.4.7. Analisis Audit mendapati lima butiran hasil yang meningkat dengan ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13**. Justifikasi lima butiran hasil Kerajaan negeri yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 yang turut dianalisis adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|------|---|-------------------|-------------------|-----------|-------|--|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | 82210 - Bayaran Balik Pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan | 7.66 | 2.33 | 5.33 | 228.5 | Bayaran balik pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan terimaan terbesar adalah bagi penyelesaian penuh keseluruhan jumlah baki pinjaman oleh syarikat Kerajaan. |
| 2. | 74999 - Sewa Pelbagai yang Lain | 7.16 | 3.29 | 3.87 | 117.8 | Terimaan terbesar adalah bagi bayaran tunggakan pajakan empat plot tanah rizab di Daerah Jelebu oleh Yayasan Negeri Sembilan (YNS) bagi tahun 2017 hingga 2019 (3 tahun) yang keseluruhannya berjumlah RM3.57 juta. |
| 3. | 75203 - Faedah dari Pelaburan Bon/Sukuk | 10.56 | 5.61 | 4.95 | 88.2 | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan hasil pelaburan disebabkan perubahan strategi semasa iaitu daripada pelaburan simpanan tetap kepada pelaburan bon/sukuk yang memberikan pulangan lebih menguntungkan. Penyelarasian kod objek lanjut dalam sistem iSPEKS. |

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|------|-----------------------------------|-------------------|-------------------|-----------|------|---|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 4. | 61198 - Tunggakan Cukai Tanah | 14.87 | 11.66 | 3.21 | 27.6 | <ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kutipan tunggakan cukai tanah hasil daripada strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri berikut pelaksanaan PKP. Kerajaan negeri melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah daripada 31 Mei 2021 kepada 30 Jun 2021 tanpa dikenakan denda lewat. Melaksanakan kempen "Jom Bayar Cukai Tanah" dengan menyediakan pelbagai insentif menarik seperti cabutan bertuah kepada pemilik tanah yang menjelaskan sepenuhnya cukai tanah semasa dan tunggakan sebelum atau pada 31 Mei 2021. Kerajaan negeri juga turut mengadaptasi penggunaan teknologi dengan melancarkan portal ePTGNS bagi membolehkan pemilik tanah menjelaskan bayaran cukai tanah secara atas talian tanpa perlu hadir ke kaunter bayaran di Pejabat Tanah. |
| 5. | 72199 - Bayaran Iktisas yang Lain | 17.82 | 14.49 | 3.33 | 23.0 | Peningkatan transaksi bagi urusan Bayaran Iktisas yang Lain di Kaunter Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan dengan kutipan tertinggi pada tahun 2021 berjumlah RM13.88 juta. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 14 **JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

| BIL. | BUTIRAN HASIL | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|------|---|-------------------|-------------------|-----------|---------|--|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | 75299 - Hasil dan Faedah dari Pelaburan | 0.00 | 13.88 | (13.88) | (100.0) | Penyelarasian kod objek lanjut dalam sistem iSPEKS dari 75299 (Hasil dan Faedah dari Pelaburan) kepada 75203 (Faedah dari Pelaburan Bon/Sukuk). |
| 2. | 82308 - Pemberian Pertambahan Hasil | 0.00 | 7.59 | (7.59) | (100.0) | Tiada Pemberian Pertambahan Hasil yang diterima oleh Kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berbanding RM7.59 juta diterima pada tahun 2020. |
| 3. | 73604 - Premium Tanah – Tukar Syarat | 5.97 | 13.54 | (7.57) | (55.9) | Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri iaitu pemberian diskaun premium pembangunan tanah sebanyak 25% dan 15% masing-masing kepada pemohon yang menjelaskan bayaran secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dan 60 hari. Inisiatif diberikan kepada pemohon yang telah menerima kelulusan tukar syarat pembangunan tanah pada 1 Januari 2021 hingga 24 Disember 2021. |
| 4. | 82311 - Pemberian Kos Perkhidmatan di atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan | 7.46 | 13.70 | (6.24) | (45.6) | Penyumbang terbesar adalah bagi tuntutan dan kelulusan caj perkhidmatan bagi bayaran kepada Kerajaan negeri kerana penglibatan kakitangan jabatan/agensi negeri dalam melaksanakan projek Kerajaan Persekutuan. Penurunan disebabkan oleh terdapat kekangan pelaksanaan projek berikut PKP tahun 2020/2021. |
| 5. | 73607 - Premium Pemberian Milikan | 41.45 | 62.72 | (21.27) | (33.9) | Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan negeri iaitu pemberian diskaun premium pembangunan tanah sebanyak 25% dan 15% masing-masing kepada pemohon yang menjelaskan bayaran secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dan 60 hari. Inisiatif diberikan kepada pemohon yang telah menerima kelulusan pemberian milikan tanah pada 1 Januari 2021 hingga 24 Disember 2021. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen; Perkhidmatan dan Bekalan; Aset; Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; serta Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2021 berjumlah RM562 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak RM55 juta (10.8%) pada tahun 2021 berbanding RM507 juta pada tahun 2020. Penambahan peruntukan mengurus bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak RM30.90 juta (15.8%) kepada RM226.22 juta pada tahun 2021 berbanding RM195.32 juta pada tahun 2020. Kedudukan peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|------------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|-------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 199.88 | 191.67 | 8.21 | 4.3 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 104.88 | 97.41 | 7.47 | 7.7 |
| 3. | Aset | 7.88 | 8.34 | (0.46) | (5.5) |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 226.22 | 195.32 | 30.90 | 15.8 |
| 5. | Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 23.14 | 14.26 | 8.88 | 62.3 |
| JUMLAH | | 562.00 | 507.00 | 55.00 | 10.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

6.5.2. Pada akhir tahun 2021, sejumlah RM395.81 juta (70.4%) telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM562 juta. Perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN PADA AKHIR TAHUN 2021

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) | PENCAPAIAN (%) |
|---------------|------------------------------------|------------------------------------|-----------------------------------|----------------|
| 1. | Emolumen | 199.88 | 185.04 | 92.6 |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 104.88 | 89.70 | 85.5 |
| 3. | Aset | 7.88 | 7.49 | 95.1 |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 226.22 | 91.61 | 40.5 |
| 5. | Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 23.14 | 21.97 | 94.9 |
| JUMLAH | | 562.00 | 395.81 | 70.4 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021

6.5.3. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri telah menurun sebanyak RM24.25 juta (5.8%) kepada RM395.81 juta pada tahun 2021 berbanding RM420.06 juta pada tahun 2020. Semua jenis maksud perbelanjaan mengurus telah menurun kecuali bagi maksud Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Perbelanjaan mengurus

Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | MAKSUD PERBELANJAAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|------------------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Emolumen | 185.04 | 186.16 | (1.12) | (0.6) |
| 2. | Perkhidmatan dan Bekalan | 89.70 | 90.82 | (1.12) | (1.2) |
| 3. | Aset | 7.49 | 8.12 | (0.63) | (7.8) |
| 4. | Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 91.61 | 121.62 | (30.01) | (24.7) |
| 5. | Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 21.97 | 13.34 | 8.63 | 64.7 |
| JUMLAH | | 395.81 | 420.06 | (24.25) | (5.8) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

6.5.4. Perbelanjaan bagi Emolumen; Perkhidmatan dan Bekalan; Aset; serta Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan penurunan masing-masing sebanyak RM1.12 juta (0.6%), RM1.12 juta (1.2%), RM0.63 juta (7.8%) dan RM30.01 juta (24.7%). Perbelanjaan-perbelanjaan Lain pula meningkat sebanyak RM8.63 juta (64.7%). Penurunan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap antaranya disebabkan oleh pengurangan bilangan tuntutan insurans dan pampasan, pengurangan bilangan pencen dan pengurangan bilangan gantian cuti rehat. Manakala penyumbang terbesar peningkatan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain adalah bayaran perintah mahkamah kepada syarikat bernombor pendaftaran 290568-K berjumlah RM8.5 juta.

6.5.5. Analisis Audit dijalankan ke atas butiran perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan pada akhir tahun 2021 berbanding perbelanjaan tahun 2020. Justifikasi bagi butiran perbelanjaan mengurus yang meningkat dengan ketara pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 18**. Manakala justifikasi butiran perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri yang mengalami penurunan ketara pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 18
JUSTIFIKASI PENINGKATAN KETARA PERBELANJAAN
MENGURUS PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENINGKATAN |
|------|---|----------------|----------------|-----------|----------|--|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | 52000 – Bayaran Lain | 8.88 | 0.11 | 8.77 | 7,972.73 | Penyumbang terbesar peningkatan adalah bayaran perintah mahkamah kepada syarikat bernombor pendaftaran 290568-K berjumlah RM8.5 juta. |
| 2. | 11000 – Gaji dan Upahan | 126.61 | 123.37 | 3.24 | 2.63 | Peningkatan disebabkan oleh kenaikan 4% gaji tahunan bagi tahun 2021 |
| 3. | 28000 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 13.61 | 10.43 | 3.18 | 30.5 | Penyumbang terbesar adalah peningkatan kod objek 28000 bagi penyaluran peruntukan kepada Vot B06 (Jabatan Pengairan dan Saliran) untuk bayaran kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan kolam takungan bagi pencegahan banjir. |
| 4. | 42000 – Pemberian Dalam Negeri | 180.55 | 178.82 | 1.73 | 0.97 | Punca utama peningkatan adalah caruman ke Vot B18 bagi perbelanjaan pembangunan. |
| 5. | 12000 – Elaun/ Imbuhan Tetap | 39.56 | 38.84 | 0.72 | 1.85 | Peningkatan bilangan pengisian kekosongan kakitangan awam negeri terutama bagi jawatan teknikal di Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN
MENGURUS PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | BUTIRAN PERBELANJAAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | | JUSTIFIKASI PENURUNAN |
|------|---|----------------|----------------|-----------|--------|--|
| | | | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | 17000 – Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan | 10.84 | 15.10 | (4.26) | (28.2) | Pengurangan pemberian bantuan khas kewangan penjawat awam pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. |
| 2. | 24000 - Sewaan | 3.86 | 7.38 | (3.52) | (47.7) | Pelbagai program/aktiviti utama negeri dilaksanakan secara dalam talian kerana pelaksanaan PKP. |
| 3. | 23000 – Perhubungan dan Utiliti | 14.62 | 15.47 | (0.85) | (5.5) | Arahan bekerja dari rumah dan pelaksanaan PKP berfasa telah mengurangkan perbelanjaan utiliti. |
| 4. | 14000 – Bayaran Lebih Masa | 3.21 | 3.88 | (0.67) | (17.3) | Arahan bekerja dari rumah dan pelaksanaan PKP berfasa telah mengurangkan bayaran lebih masa. |
| 5 | 35000 – Harta Modal yang Lain | 4.10 | 4.73 | (0.63) | (13.3) | Kawalan dalaman ke arah penjimatan. |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

6.5.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Bayaran ini boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut.

Secara keseluruhannya, pembayaran di bawah AP 58(a) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri menurun sebanyak RM1.02 juta (50.5%) menjadi RM1 juta pada tahun 2021 berbanding RM2.02 juta pada tahun 2020. Maklumat pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | JABATAN | 2021 (RM) | 2020 (RM) | PERUBAHAN | |
|------------------------|--|----------------------------|----------------------------|-----------------------|---------------|
| | | | | (RM) | (%) |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | 968,528.68 | 1,689,736.70 | (721,208.02) | (42.7) |
| 2. | Jabatan Kebajikan Masyarakat | 10,207.67 | 562.80 | 9,644.87 | 1,713.7 |
| 3. | Pejabat DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan | 7,216.74 | 258,450.44 | (251,233.70) | (97.2) |
| 4. | Jabatan Kehakiman Syariah | 2,683.00 | 6,034.82 | (3,351.82) | (55.5) |
| 5. | Pejabat Kewangan Negeri | 3,451.40 | 17,342.93 | (13,891.53) | (80.1) |
| 6. | Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson | 1,554.88 | 1,672.89 | (118.01) | (7.1) |
| 7. | Jabatan Mufti | 1,113.15 | 1,016.40 | 96.75 | 9.5 |
| 8. | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa | 1,070.00 | 6,731.65 | (5,661.65) | (84.1) |
| 9. | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian | 576.45 | 2,476.10 | (1,899.65) | (76.7) |
| 10. | Pejabat Daerah dan Tanah Jempol | 448.00 | 5,827.82 | (5,379.82) | (92.3) |
| 11. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 400.00 | 5,236.60 | (4,836.60) | (92.4) |
| 12. | JKR Rembau | 252.50 | 0.00 | 252.50 | 100.0 |
| 13. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (UPEN) | 215.65 | 0.00 | 215.65 | 100.0 |
| 14. | Jabatan Perhutanan | 0.00 | 9,782.71 | (9,782.71) | (100.0) |
| 15. | Pejabat Daerah dan Tanah Tampin | 0.00 | 2,652.20 | (2,652.20) | (100.0) |
| 16. | Pejabat Daerah dan Tanah Seremban | 0.00 | 2,302.83 | (2,302.83) | (100.0) |
| 17. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 0.00 | 2,115.40 | (2,115.40) | (100.0) |
| 18. | Jabatan Kerja Raya | 0.00 | 1,678.35 | (1,678.35) | (100.0) |
| 19. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 0.00 | 1,442.36 | (1,442.36) | (100.0) |
| 20. | Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah | 0.00 | 1,229.10 | (1,229.10) | (100.0) |
| 21. | Pejabat Daerah dan Tanah Rembau | 0.00 | 522.00 | (522.00) | (100.0) |
| 22. | Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu | 0.00 | 468.00 | (468.00) | (100.0) |
| JUMLAH | | 997,718.12 | 2,017,282.10 | (1,019,563.98) | (50.5) |
| BILANGAN BAUCAR | | 247 | 380 | | |

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

- b. Bayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 melibatkan 247 baucar bayaran bagi 13 jabatan untuk bayaran kontrak perkhidmatan; elaun lebih masa; elaun dan tuntutan perjalanan; bayaran balik bil telefon bimbit; utiliti; bil bahan api; perkhidmatan perubatan; pemberian kerabat dan waris; gantian cuti rehat; bekalan surat khabar; percetakan warta kerajaan negeri; sewaan dan perkhidmatan mesin fotostat; bayaran kerja penyelenggaraan; elaun EXCO dan tunggakan bil telefon/Unifi. Analisis Audit mengenai bayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 melibatkan perkara seperti berikut:

- i. Daripada 247 baucar berjumlah RM1 juta, sebanyak 98 baucar bayaran berjumlah RM422,137 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima, sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan tersebut.
 - ii. Terdapat pembayaran AP 58(a) tahun 2021 yang dibuat bagi transaksi sebelum tahun 2020 iaitu bayaran tunggakan bil telefon/Unifi bagi bulan Januari 2019 hingga Disember 2020 berjumlah RM11,332.
 - iii. Tempoh pembayaran AP 58(a) bagi tahun 2021 merekodkan 238 baucar bayaran berjumlah RM0.78 juta dibayar dalam tempoh bulan Januari hingga Jun 2021. Manakala sembilan baucar bayaran berjumlah RM212,743 dibayar dalam tempoh bulan Julai hingga Disember 2021. Kelewatan menerima tuntutan/bil dari pegawai/pembekal merupakan punca utama pembayaran di bawah AP 58(a).
- c. Bagaimanapun, kesemua pembayaran di bawah AP 58(a) tahun 2021 yang tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri untuk pembayaran.

Maklum Balas PKN/Jabatan yang Diterima pada 10 Mei 2022, Penjelasan oleh PKN Semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 30 Mei 2021 dan Mesyuarat Penutup pada 1 Julai 2022

Tindakan lanjut yang telah dirancang untuk diambil oleh Kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu ini adalah seperti berikut:

- mengenal pasti punca-punca kelewatan bil serta kaedah mengatasinya terutama bagi perbelanjaan yang boleh dirancang dan kelewatan boleh dielakkan. Contohnya pembayaran bagi tuntutan elaun-elaun oleh pegawai dan bayaran bulanan untuk kontrak bermasa;
- memberi peringatan tegas kepada semua Pegawai Pengawal agar mengambil serius terhadap pembayaran di bawah AP 58(a) di pelbagai platform antaranya semasa Persidangan Pegawai Pengawal dan Mesyuarat JKPA/JKPAK setiap suku tahun;
- mengedarkan surat berkaitan soalan lazim (FAQ) mengenai Tatacara Pengurusan Bayaran di Bawah AP 58(a) melalui surat PNNS.203(04)747/19 Jld.12(09) bertarikh 25 November 2021;
- mengambil kira nasihat/maklum balas daripada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Sembilan berkaitan bayaran perkhidmatan perubatan di bawah Akta Fee 1951,

Perintah Fee (Perubatan) 1982, peruntukan bagi bayaran perkhidmatan perubatan akan diperuntukkan dalam Belanjawan Tahun 2023; dan

- siasatan akan dijalankan ke atas jabatan yang membuat permohonan pembayaran yang melangkaui tarikh 31 Mei dan/atau peruntukan tidak mencukupi. Sekiranya justifikasi atau alasan pembayaran tidak kukuh atau munasabah, pembayaran tersebut hendaklah dibayar di bawah AP 59. Namun begitu, sekiranya tiada unsur-unsur penyelewengan, Pegawai Kewangan Negeri akan mempertimbangkan untuk memberi kelulusan khas dan dibenarkan dibayar di bawah AP 58(a).

Pernyataan Audit | Pematuhan terhadap AP 103(a) akan dapat mengelakkan atau mengurangkan jumlah pembayaran di bawah AP 58(a).

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu komponen di bawah Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan selaras dengan Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2021, tiada pinjaman diterima oleh Kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun Pinjaman Disatukan telah berbaki sifar pada akhir tahun 2021.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah satu komponen di bawah Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

8.2. Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Amanah Disatukan menurun sebanyak RM50.93 juta (12.4%) kepada RM359.06 juta berbanding RM409.99 juta pada tahun 2020. Analisis Audit mendapati penurunan baki Akaun Amanah Disatukan adalah disebabkan oleh penurunan kesemua baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sebanyak RM6.93 juta (8.6%) menjadi RM73.43 juta pada tahun 2021 berbanding RM80.36 juta pada tahun 2020. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam juga menurun sebanyak RM14.11 juta

(8.1%) menjadi RM159.48 juta pada tahun 2021 berbanding RM173.59 juta pada tahun 2020. Manakala Akaun Deposit pula menurun sebanyak RM29.89 juta (19.2%) menjadi RM126.15 juta pada tahun 2021 berbanding RM156.04 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BUTIRAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---|---------------------------------|---------------------------------|------------------|---------------|
| | (RM Juta) | (%) | | |
| i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan: | 73.43 | 80.36 | (6.93) | (8.6) |
| • <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i> | (350.03) | (330.71) | (19.32) | 5.8 |
| • <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i> | (5.63) | (17.98) | 12.35 | (68.7) |
| • <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | 429.09 | 429.05 | 0.04 | 0.01 |
| ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 159.48 | 173.59 | (14.11) | (8.1) |
| iii. Akaun Wang Deposit | 126.15 | 156.04 | (29.89) | (19.2) |
| JUMLAH | 359.06 | 409.99 | (50.93) | (12.4) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.3. Analisis perbandingan pada tahun 2017 hingga 2021 mendapati baki Akaun Amanah Disatukan menunjukkan penurunan kecuali pada tahun 2019 dan 2020. Baki terkumpul Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM409.99 juta pada tahun 2020 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima tahun. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BUTIRAN | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|---|---------------------------------|---------------------------------|---------------------------------|---------------------------------|---------------------------------|
| i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan: | (7.72) | (17.03) | 51.11 | 80.36 | 73.43 |
| • <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i> | (331.62) | (331.37) | (331.34) | (330.71) | (350.03) |
| • <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i> | (30.93) | (30.63) | (29.72) | (17.98) | (5.63) |
| • <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i> | 354.83 | 344.97 | 412.17 | 429.05 | 429.09 |
| ii. Kumpulan Wang Amanah Awam | 123.37 | 112.93 | 138.30 | 173.59 | 159.48 |
| iii. Akaun Wang Deposit | 267.46 | 222.56 | 168.85 | 156.04 | 126.15 |
| JUMLAH | 383.11 | 318.46 | 358.26 | 409.99 | 359.06 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 Hingga 2021

8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta

Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.4.2. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sebanyak RM6.93 juta (8.6%) iaitu daripada RM80.36 juta pada tahun 2020 kepada RM73.43 juta pada tahun 2021. Penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disebabkan oleh pengurangan baki defisit Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (KWABA) sebanyak RM12.35 juta (68.7%) menjadi RM5.63 juta pada tahun 2021 berbanding RM17.98 juta pada tahun 2020. Selain itu, baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sebanyak RM19.32 juta (5.8%) kepada RM350.03 juta pada tahun 2021 berbanding RM330.71 juta pada tahun 2020. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan juga meningkat RM0.04 juta (0.01%) menjadi RM429.09 juta pada tahun 2021 berbanding RM429.05 juta pada tahun 2020. Kedudukan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | BUTIRAN | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|------------------------------|--|--------------|--------------|---------------|--------------|
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Kumpulan Wang Pembangunan | (350.03) | (330.71) | (19.32) | 5.8 |
| 2. | Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air | (5.63) | (17.98) | 12.35 | (68.7) |
| 3. | Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan | 429.09 | 429.05 | 0.04 | 0.01 |
| | <i>i. Akaun Penyelesaian</i> | 2.00 | 2.04 | (0.04) | (2.0) |
| | <i>ii. Akaun Pinjaman</i> | 13.52 | 16.39 | (2.87) | (17.5) |
| | <i>iii. Kumpulan Wang Luar Jangka</i> | 0.85 | 0.85 | 0.00 | 0.0 |
| | <i>iv. Pelbagai Kumpulan Wang</i> | 412.72 | 409.77 | 2.95 | 0.72 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | | 73.43 | 80.36 | (6.93) | (8.6) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.5. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 406, Tahun 1966). Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup serta Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut.

8.5.1. Prestasi Kewangan

- Pada akhir tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan kurangan berjumlah RM19.32 juta berbanding lebihan sejumlah RM0.63 juta pada tahun 2020.

Kurangan pada tahun 2021 disebabkan oleh terimaan pembangunan sejumlah RM125.12 juta berbanding perbelanjaan sejumlah RM144.44 juta. Dengan ini, baki defisit terkumpul pada akhir tahun 2021 bagi Kumpulan Wang Pembangunan telah meningkat sebanyak RM19.32 juta (5.8%) menjadi baki defisit RM350.03 juta berbanding baki defisit RM330.71 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| PERKARA | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|----------------|------------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | (330.71) | (331.34) | 0.63 | (0.2) |
| Terimaan | 125.12 | 93.18 | 31.94 | 34.3 |
| Perbelanjaan | 144.44 | 92.55 | 51.90 | 56.1 |
| LEBIHAN/KURANGAN | (19.32) | 0.63 | (18.69) | (2,966.7) |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | (350.03) | (330.71) | (19.32) | 5.8 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.5.2. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-12

- Bagi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-12, Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM750 juta bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025. Agihan peruntukan di bawah RMKe-12 bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKe-12 BAGI TEMPOH 2021 HINGGA 2025

| BIL. | JABATAN | JUMLAH (RM Juta) |
|---------------|------------------------------------|---------------------|
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | 237.60 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar* | 185.00 |
| 3. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 85.99 |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 69.55 |
| 5. | Jabatan Kerja Raya | 60.72 |
| 6. | Jabatan Pertanian | 57.98 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 29.31 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 20.35 |
| 9. | Luar Jangka | 3.50 |
| JUMLAH | | 750.00 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (*) – Terdiri daripada Projek Fizikal dan Bukan Projek Fizikal (Perkhidmatan Masyarakat)

- Pada akhir tahun 2021, sejumlah RM153 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 947 projek yang dirancang. Tiada peruntukan tambahan bagi

perbelanjaan pembangunan yang dibuat pada tahun 2021. Lima daripada lapan jabatan negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM46.29 juta (30.3%), Pejabat Menteri Besar sejumlah RM45 juta (29.4%), Jabatan Pertanian sejumlah RM14.03 juta (9.2%), Jabatan Pengairan dan Saliran sejumlah RM12.89 juta (8.4%) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sejumlah RM12.45 juta (8.1%). Agihan peruntukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan pelaksana serta bilangan projek pembangunan RMKe-12 yang diluluskan pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
JABATAN PELAKSANA DAN BILANGAN PROJEK RMKe-12 PADA TAHUN 2021

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PERUNTUKAN | | BIL. PROJEK DILULUSKAN |
|---------------|--------------------------------|---------------|--------------|------------------------|
| | | (RM Juta) | (%) | |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 46.29 | 30.3 | 226 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar * | 45.00 | 29.4 | - |
| 3. | Jabatan Pertanian | 14.03 | 9.2 | 415 |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 12.89 | 8.4 | 37 |
| 5. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 12.45 | 8.1 | 85 |
| 6. | Jabatan Kerja Raya | 10.46 | 6.8 | 23 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 5.41 | 3.5 | 107 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 4.97 | 3.3 | 54 |
| 9. | Peruntukan Luar Jangka** | 1.50 | 1.0 | - |
| JUMLAH | | 153.00 | 100.0 | 947 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal

(**) - Kerja Luar Jangka

8.5.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12

a. Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2021 Berbanding Peruntukan

Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM144.44 juta (94.4%) daripada RM153 juta yang diperuntukkan pada tahun 2021 bagi membiayai pelbagai projek pembangunan. Pejabat Menteri Besar (bukan projek fizikal) mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM43.69 juta (30.2%). Manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM42.93 juta (29.7%) daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021. Perbelanjaan tersebut adalah bagi membiayai 226 projek. Pencapaian perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah antara 24.7% hingga 97.8% seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PRESTASI PERBELANJAAN RMKe-12 PADA TAHUN 2021

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | PERUNTUKAN (RM Juta) | PERBELANJAAN (RM Juta) | PERATUS PERBELANJAAN (%) | |
|---------------|--------------------------------|-------------------------|---------------------------|--------------------------|--------------------------------|
| | | | | BERBANDING PERUNTUKAN | BERBANDING JUMLAH PERBELANJAAN |
| 1. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 46.29 | 42.93 | 92.7 | 29.7 |
| 2. | Pejabat Menteri Besar * | 45.00 | 43.69 | 97.1 | 30.2 |
| 3. | Jabatan Pertanian | 14.03 | 13.18 | 93.9 | 9.1 |
| 4. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 12.89 | 12.55 | 97.4 | 8.7 |
| 5. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 12.45 | 11.91 | 95.7 | 8.2 |
| 6. | Jabatan Kerja Raya | 10.46 | 9.86 | 94.3 | 6.8 |
| 7. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 5.41 | 5.09 | 94.1 | 3.5 |
| 8. | Jabatan Perhutanan | 4.97 | 4.86 | 97.8 | 3.4 |
| 9. | Peruntukan Luar Jangka** | 1.50 | 0.37 | 24.7 | 0.3 |
| JUMLAH | | 153.00 | 144.44 | 94.4 | 99.9 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal

(**) – Kerja-kerja luar jangka

b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12 Tahun 2021

Sebanyak 947 projek telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2021. Kesemua 947 projek (100%) keseluruhanya berjumlah RM144.44 juta telah berjaya disiapkan oleh tujuh jabatan negeri. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12 PADA TAHUN 2021

| BIL. | JABATAN PELAKSANA | BIL. PROJEK DILULUSKAN | STATUS PROJEK SIAP |
|--------------------|--------------------------------|------------------------|--------------------|
| 1. | Jabatan Pertanian | 415 | 415 |
| 2. | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 226 | 226 |
| 3. | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 107 | 107 |
| 4. | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 85 | 85 |
| 5. | Jabatan Pengairan dan Saliran | 37 | 37 |
| 6. | Jabatan Perhutanan | 54 | 54 |
| 7. | Jabatan Kerja Raya | 23 | 23 |
| JUMLAH | | 947 | 947 |
| PERATUS (%) | | | 100 |

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Maklum Balas PKN/Jabatan yang Diterima pada 26 Mei 2022, Penjelasan oleh PKN Semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 30 Mei 2021 dan Mesyuarat Penutup pada 1 Julai 2022

Bagi mengatasi kelemahan dalam pemantauan prestasi kemajuan kewangan dan fizikal projek pembangunan, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh Kerajaan negeri

bermula tahun 2021 dengan membangunkan Sistem Pemantauan Projek Pembangunan Kerajaan Negeri Sembilan. Sistem ini dikenali sebagai nsPROMISE akan mula diaplikasikan bagi projek pembangunan tahun 2022. nsPROMISE akan dipantau oleh UPEN dan Pejabat Kewangan Negeri. Selain itu, Pejabat Kewangan Negeri akan menilai pencapaian prestasi pembayaran projek dari semasa ke semasa berdasarkan data kemas kini iSPEKS yang dikunci masuk oleh Jabatan/Agensi Pelaksana. Laporan yang dijana melalui nsPROMISE adalah tertakluk kepada prestasi pengemaskinian dan ketetapan status pelaksanaan kemajuan projek oleh Jabatan/Agensi Pelaksana yang akan dikemaskinikan pada tarikh 1, 8 dan 21 hari bulan setiap bulan. Laporan nsPROMISE juga boleh diakses oleh Pengurusan Tertinggi Kerajaan negeri dari semasa ke semasa.

Pernyataan Audit | Prestasi pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12 pada tahun 2021 adalah baik kerana keseluruhan projek yang dirancang telah dapat disiapkan.

8.6. Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Mulai tahun 2009, pengurusan air di Negeri Sembilan telah dikorporatkan melalui penubuhan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada akhir tahun 2021 berbaki debit sejumlah RM5.63 juta berbanding baki debit RM17.99 juta tahun 2020. Kumpulan wang ini akan ditutup apabila pengurusan air diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 5 Oktober 2011, baki debit Kumpulan wang ini akan dihapus kira secara berperingkat daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri mulai tahun 2013. Pada tahun 2021, bayaran hapus kira sejumlah RM12.36 juta telah dibuat melalui perbelanjaan mengurus. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| PERKARA | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|---------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | (17.99) | (29.72) | 11.73 | (39.5) |
| Terimaan | 12.36 | 11.73 | 0.63 | 5.4 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | (5.63) | (17.99) | 12.36 | (68.7) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.7. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Pelbagai Kumpulan Wang, Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM0.04 juta (0.01%) menjadi RM429.09 juta berbanding RM429.05 juta pada tahun 2020. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | AKAUN AMANAH | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|---------------------------|-------------------|-------------------|-------------|-------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Akaun Pinjaman | 13.52 | 16.39 | (2.87) | (17.5) |
| 2. | Akaun Penyelesaian | 2.00 | 2.04 | (0.04) | (2.0) |
| 3. | Pelbagai Kumpulan Wang | 412.72 | 409.77 | 2.95 | 0.7 |
| 4. | Kumpulan Wang Luar Jangka | 0.85 | 0.85 | 0.00 | 0.0 |
| JUMLAH | | 429.09 | 429.05 | 0.04 | 0.01 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.7.1. Pelbagai Kumpulan Wang - Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi membiayai kos penyenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Berdasarkan rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS), panjang jalan negeri pada 31 Disember 2021 adalah 15,661.592 km.
- b. Pada tahun 2021, baki akhir kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM3.74 juta (0.9%) menjadi RM408.02 juta berbanding RM404.28 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan terimaan tahun 2021 sebanyak RM589.53 juta adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan berjumlah RM585.79 juta. Terimaan berjumlah RM589.53 juta tersebut terdiri daripada peruntukan diterima daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM345.33 juta dan lain-lain terimaan dan pelarasan sejumlah RM244.20 juta.

- c. Pembayaran pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM129.84 juta (28.5%) menjadi RM585.79 juta berbanding RM455.95 juta pada tahun 2020. Oleh itu, penggunaan peruntukan pada tahun 2021 adalah 169.6% berbanding 132% pada tahun 2020. Semakan selanjutnya mendapati perbelanjaan pengurusan termasuk bayaran emolumen berkaitan dengan penyenggaraan jalan negeri telah mematuhi had perbelanjaan yang ditetapkan dalam Perenggan 7.2 dan 7.3, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS). Garis panduan tersebut antara lain menetapkan perbelanjaan pengurusan penyenggaraan jalan negeri tidak boleh melebihi 5% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan tahun sebelumnya atau RM5 juta, mana yang lebih rendah.
- d. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN RAYA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BUTIRAN | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------|------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 404.28 | 403.23 | 1.05 | 0.3 |
| Penerimaan | 589.53 | 457.00 | 132.53 | 29.0 |
| Pembayaran | 585.79 | 455.95 | 129.84 | 28.5 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 408.02 | 404.28 | 3.74 | 0.9 |
| Penggunaan Peruntukan (%) | #169.6 | *132.0 | | |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) – RM455.95 juta berbanding peruntukan RM345.33 juta (RM457 juta tolak RM111.67 juta untuk pelarasan emolumen dan agihan)

(#) – RM585.79 juta berbanding peruntukan RM345.33 juta (RM589.53 juta tolak RM244.20 juta untuk lain-lain terimaan dan pelarasan bayaran balik agihan)

- e. Analisis perbandingan pada tahun 2017 hingga 2021 mendapati pembayaran/agihan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya menunjukkan trend peningkatan. Bayaran/Agihan pada tahun 2021 berjumlah RM585.79 juta merupakan penggunaan peruntukan tertinggi bagi tempoh lima tahun iaitu bersamaan dengan 169.6%. Kedudukan penggunaan peruntukan pada tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PENGUNAAN PERUNTUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN RAYA TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BUTIRAN | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Terimaan | 225.17 | 231.93 | 333.26 | 345.33 | 345.33 |
| Bayaran/Agihan | 231.53 | 232.45 | 298.59 | 455.95 | 585.79 |
| Penggunaan Peruntukan (%) | 102.8 | 100.2 | 89.6 | 132.0 | 169.6 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

8.8. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan wang ini mengakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan orang awam. Sebanyak 42 Akaun Amanah Awam yang terdiri daripada 41 Akaun Amanah Am dan satu Akaun Amanah Khas diselenggara pada tahun 2021. Baki kumpulan wang pada akhir tahun 2021 menurun sebanyak RM14.11 juta (8.1%) kepada RM159.48 juta berbanding RM173.59 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | BUTIRAN AKAUN AMANAH | BIL. AKAUN 2021 | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|---------------|----------------------|--------------------|---------------|---------------|----------------|--------------|
| | | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Akaun Amanah Khas | 1 | 1.19 | 1.62 | (0.43) | (26.5) |
| 2. | Akaun Amanah Am | 41 | 158.29 | 171.97 | (13.68) | (8.0) |
| JUMLAH | | 42 | 159.48 | 173.59 | (14.11) | (8.1) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.8.1. Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan hutan. Akaun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Sumber dana akaun ini adalah daripada peruntukan Kerajaan negeri, pinjaman atau pemberian Kerajaan Persekutuan, kutipan ses pembangunan hutan atau lain-lain wang yang dipungut di bawah undang-undang hutan.
- b. Baki akaun amanah ini pada akhir tahun 2021 berjumlah RM1.19 juta berbanding RM1.62 juta pada tahun 2020. Penerimaan pada tahun 2021 berjumlah RM1.28 juta adalah merupakan pungutan hasil, ses perhutanan dan silvikultur. Kedudukan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| PERKARA | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|---|-------------|-------------|---------------|---------------|
| | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 1.62 | 0.54 | 1.08 | 200.0 |
| Penerimaan | 1.28 | 3.88 | (2.60) | (67.0) |
| - Peruntukan Kerajaan negeri | 0.00 | 2.81 | (2.81) | (100.0) |
| - Kutipan hasil, Ses Perhutanan dan Silvikultur | 1.28 | 1.07 | 0.21 | 19.6 |
| Pembayaran | 1.71 | 2.80 | (1.09) | (38.9) |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 1.19 | 1.62 | (0.43) | (26.5) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.8.2. Akaun Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Projek Rumah Awam Harga Rendah

- a. Kumpulan wang amanah ini ditubuhkan dengan tujuan memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan daripada sumber pemberian Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri atau sumber lain bagi membiayai pembangunan Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) dan pembiayaan lain yang berkaitan dengan RAHR di Negeri Sembilan.
- b. Pada akhir tahun 2021, baki akaun berjumlah RM41.35 juta berbanding RM45.68 juta pada tahun 2020. Penerimaan pada tahun 2021 menurun sebanyak RM1.04 juta (16.3%) menjadi RM5.35 juta berbanding RM6.39 juta pada tahun 2020. Kedudukan kumpulan wang amanah ini pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PEMBIAYAAN PROJEK
RUMAH AWAM HARGA RENDAH PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| PERKARA | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|------------------------------|--------------|--------------|---------------|--------------|
| | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 45.68 | 41.69 | 3.99 | 9.6 |
| Penerimaan | 5.35 | 6.39 | (1.04) | (16.3) |
| Pembayaran | 9.68 | 2.40 | 7.28 | 303.3 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 41.35 | 45.68 | (4.33) | (9.5) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.8.3. Akaun Amanah Permasalahan Rakyat

- a. Akaun Amanah ini ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan semua terimaan dan pembayaran berkaitan dengan penyelesaian permasalahan rakyat. Akaun ini

dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana akaun ini adalah melalui pemberian Kerajaan negeri dan sumbangan awam. Pembayaran yang dibuat adalah berkaitan program bantuan kemiskinan, menaik taraf/membuat pulih infrastruktur dan kemudahan awam, menaik taraf/membuat pulih jalan kampung dan aduan lain berkaitan dengan permasalahan rakyat. Selain itu, pembayaran turut melibatkan perbelanjaan bagi Program Wanita Gemilang/*Power House* Wanita Gemilang (PHGEM), pelaksanaan perkhidmatan bas percuma bandar Seremban, Bantuan Ibu Tunggal (C4U) dan Pemberian Sumbangan dan Bantuan Khas Barang Harian bagi Covid-19.

- b. Pada tahun 2021, sejumlah RM7.46 juta terimaan telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini. Terimaan menurun sebanyak RM0.61 juta (7.6%) berbanding RM8.07 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, sejumlah RM4.74 juta merupakan penyaluran peruntukan bagi Program Pemberian Vaksin Covid-19 Peringkat Negeri Sembilan; RM1 juta penyaluran peruntukan bagi tujuan C4U; RM0.80 juta bagi pelaksanaan PHGEM; sumbangan komputer peribadi bagi Program Fast Track SPM Pelajar Lepasan Tahfiz di Negeri Sembilan sejumlah RM0.08 juta; dan terimaan lain sejumlah RM0.84 juta. Kedudukan kumpulan wang amanah pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH
PERMASALAHAN RAKYAT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| PERKARA | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|------------------------------|-------------------|-------------------|---------------|---------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| Baki Pada 1 Januari | 5.80 | 5.55 | 0.25 | 4.5 |
| Penerimaan | 7.46 | 8.07 | (0.61) | (7.6) |
| Pembayaran | 8.74 | 7.82 | 0.92 | 11.8 |
| BAKI PADA 31 DISEMBER | 4.52 | 5.80 | (1.28) | (22.1) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.9. Akaun Deposit

8.9.1 Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut.

8.9.2. Pada akhir tahun 2021, di bawah kategori Deposit adalah Deposit Am Jabatan, Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit-deposit Lain. Satu kategori deposit baru direkodkan adalah lanjutan daripada Kerajaan Negeri Sembilan menggunakan sistem iSPEKS mulai 1 Januari 2020 iaitu Deposit Pelarasian yang terdiri daripada Deposit

Pelarasan Cek Terbatal, Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD). Kedudukan Akaun Wang Deposit berdasarkan kategori pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN AKAUN WANG DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | AKAUN AMANAH | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|------|--|---------------|---------------|----------------|---------------|
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Deposit Am Jabatan Negeri | 102.23 | 135.85 | (33.62) | (24.7) |
| 2. | Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan | 15.86 | 13.61 | 2.25 | 16.5 |
| 3. | Deposit-deposit Lain | 3.69 | 3.28 | 0.41 | 12.5 |
| | • <i>Deposit RAHR</i> | 1.71 | 1.73 | (0.02) | (1.2) |
| | • <i>Akaun Cagaran</i> | 1.86 | 1.44 | 0.42 | 29.2 |
| | • <i>Deposit-deposit Lain dan Akaun Cagaran</i> | 0.12 | 0.11 | 0.01 | 9.1 |
| 4. | Deposit Pelarasan | 4.37 | 3.30 | 1.07 | 32.4 |
| | • <i>Deposit Pelarasan Cek Terbatal</i> | 4.03 | 2.73 | 1.30 | 47.6 |
| | • <i>Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal</i> | 0.34 | 0.00 | 0.34 | 100.0 |
| | • <i>Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan</i> | 0.00 | 0.57 | (0.57) | (100.0) |
| | JUMLAH | 126.15 | 156.04 | (29.89) | (19.2) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

8.9.3. Baki akaun deposit pada akhir tahun 2021 menurun sebanyak RM29.89 juta (19.2%) menjadi RM126.15 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM156.04 juta. Penurunan tersebut antaranya adalah berpunca daripada pulangan balik/pembayaran deposit Tenaga Nasional Berhad bagi maksud pengambilan tanah yang dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat dengan pembinaan pencawang elektrik di lima daerah. Penurunan juga disebabkan pulangan balik Deposit Am dan yang tertinggi adalah di Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson bagi permit bahan batuan.

8.9.4. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan kepada pendeposit dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Empat jabatan/pejabat telah mengambil tindakan pewartaan deposit berjumlah RM0.46 juta yang melibatkan 31 pendeposit dari tahun 2012 hingga 2020 seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
JABATAN/PEJABAT YANG MENGAMBIL
TINDAKAN PEWARTAAN DEPOSIT PADA TAHUN 2021

| BIL. | JABATAN/PEJABAT | BILANGAN PENDEPOSIT | TEMPOH DEPOSIT DITERIMA | JUMLAH DEPOSIT (RM) |
|---------------|-----------------------------------|---------------------|-------------------------|---------------------|
| 1. | Pejabat Daerah dan Tanah Seremban | 24 | 2014 – 2020 | 457,648 |
| 2. | Pejabat Daerah dan Tanah Rembau | 2 | 2019 | 960 |
| 3. | Mahkamah Rendah Syariah Rembau | 3 | 2012 – 2014 | 600 |
| 4. | Mahkamah Rendah Syariah Tampin | 2 | 2018 | 100 |
| JUMLAH | | 31 | | 459,308 |

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Akaun ini terdiri daripada Akaun Memorandum Aset dan Akaun Memorandum Liabiliti. Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan Kerajaan Negeri manakala Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat milik Kerajaan negeri. Sumber dana bagi membiayai pinjaman kepada agensi tersebut adalah daripada Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

9.1.2. Kerajaan negeri mengeluarkan pinjaman baharu kepada Yayasan Negeri Sembilan pada tahun 2021 dengan pinjaman berjumlah RM4 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 menurun sebanyak RM5.07 juta (11.1%) menjadi RM40.66 juta berbanding RM45.73 juta pada tahun 2020. Baki tersebut merupakan baki pinjaman oleh dua Badan Berkanun Negeri dan satu Pihak Berkuasa Tempatan. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | AGENSI | SUMBER PINJAMAN | JUMLAH PINJAMAN (RM Juta) | BAKI HUTANG | | PERUBAHAN | |
|---------------------------------|---|-----------------|---------------------------|----------------|----------------|---------------|---------------|
| | | | | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| BADAN BERKANUN NEGERI | | | | | | | |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | Persekutuan | 37.24 | 24.20 | 26.01 | (1.81) | (7.0) |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | Negeri | 13.70 | 9.10 | 6.69 | 2.41 | 36.0 |
| PIHK BERKUASA TEMPATAN | | | | | | | |
| 1. | Majlis Bandaraya Seremban | Persekutuan | 9.46 | 7.36 | 7.56 | (0.20) | (2.6) |
| 2. | Majlis Daerah Rembau | Negeri | 1.02 | 0.00 | 0.04 | (0.04) | (100.0) |
| SYARIKAT KERAJAAN NEGERI | | | | | | | |
| 1. | Syarikat Imapro Sdn. Bhd. | Persekutuan | 8.30 | 0.00 | 5.43 | (5.43) | (100.0) |
| JUMLAH | | | 69.72 | 40.66 | 45.73 | (5.07) | (11.1) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

9.1.3. Pada tahun 2021 kesemua lima agensi yang menerima pinjaman daripada Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik berjumlah RM9.44 juta yang terdiri daripada bayaran balik pokok sejumlah RM9.07 juta dan bayaran balik faedah sejumlah RM0.37 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh agensi pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
OLEH AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | AGENSI | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|---|----------------|----------------|-------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 1.81 | 1.59 | 0.22 | 13.8 |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | 1.74 | 1.96 | (0.22) | (11.2) |
| 3. | Majlis Perbandaran Seremban | 0.20 | 0.20 | 0.00 | 0.0 |
| 4. | Majlis Daerah Rembau | 0.04 | 0.07 | (0.03) | (42.9) |
| 5. | Syarikat Imapro Sdn. Bhd. | 5.65 | 0.54 | 5.11 | 946.3 |
| JUMLAH | | 9.44 | 4.36 | 5.08 | 116.5 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

9.1.4. Pada tahun 2021, tunggakan bayaran balik pinjaman oleh agensi kepada Kerajaan negeri adalah berjumlah RM13.99 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM11.16 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM2.83 juta. Tunggakan tersebut telah berkurang sebanyak RM0.32 juta (2.2%) berbanding RM14.31 juta pada tahun 2020. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | AGENSI | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|---|-------------------|-------------------|---------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 12.78 | 13.50 | (0.72) | (5.3) |
| 2. | Yayasan Negeri Sembilan | 1.21 | 0.81 | 0.40 | 49.4 |
| JUMLAH | | 13.99 | 14.31 | (0.32) | (2.2) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

9.1.5. Pinjaman Boleh Dituntut hendaklah dibuat bayaran balik dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga akhir tahun 2021, terdapat dua pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) yang sepatutnya telah diselesaikan dalam tempoh anuiti tetapi masih belum dibuat bayaran balik sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
YANG SEPATUTNYA TELAH DISELESAIKAN BAYARAN

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | SYARAT BAYARAN BALIK | TARIKH SEPATUTNYA SELESAI | BAKI BELUM SELESAI 31.12.2021 (RM Juta) |
|--|-------------------------------------|--|---------------------------|---|
| PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN | | | | |
| 1. | Projek Kompleks Bandar Baru Serting | Lapan anuiti, bayaran pertama pada 30.9.1991 | 30.09.1998 | 8.66 |
| 2. | Projek Perumahan Bukit Chedang | Dua anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1983 | 30.12.1984 | 4.12 |
| JUMLAH | | | | 12.78 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021

Maklum Balas PKN/Jabatan yang Diterima pada 26 Mei 2022, Penjelasan oleh PKN Semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 30 Mei 2021 dan Mesyuarat Penutup pada 1 Julai 2022

Tindakan lanjut yang telah diambil oleh Kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu ini adalah seperti berikut:

- mengeluarkan Notis Tuntutan Bayaran Balik kepada PKNNS bagi dua pinjaman yang telah tamat tempoh anuiti pada 19 Mac 2021 melalui surat dengan nombor rujukan: P.Kw.N/NS(349)663/51 Klt.6(90);
- mengadakan satu sesi perbincangan dengan PKNNS pada 1 Jun 2022 bagi membincangkan penyelarasan bayaran balik pinjaman secara penjadualan semula; dan
- isu ini turut dibangkitkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNNS yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar pada Jun 2022. Melalui mesyuarat

tersebut PKNNS bersetuju dengan penyelarasan bayaran balik dua pinjaman tersebut secara penjadualan semula dan bayaran pertama akan dibuat mulai bulan Oktober 2022.

| | |
|-------------------------|--|
| Pernyataan Audit | Kerajaan negeri seharusnya memberi penekanan terhadap usaha untuk membuat tuntutan/kutipan balik pinjaman daripada agensi/syarikat Kerajaan negeri. |
|-------------------------|--|

9.2. Memorandum Aset - Pelaburan

Pada tahun 2021, pelaburan di Akaun Memorandum berjumlah RM47.72 juta dan tiada perubahan berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2020. Kedudukan pelaburan di Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

| BIL. | PERIHAL PELABURAN | 2017 (RM Juta) | 2018 (RM Juta) | 2019 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | 2021 (RM Juta) |
|---------------|--|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Amanah Saham Bank Islam | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 25.72 | 0.00 |
| 2. | Bank Islam Malaysia Berhad | 0.00 | 0.00 | 17.00 | 17.00 | 0.00 |
| 3. | Sukuk Danainfra Nasional Berhad | 5.00 | 5.00 | 5.00 | 5.00 | 5.00 |
| 4. | Akaun Amanah Institusi (ITA), Amanah Raya Berhad | 25.00 | 25.00 | 25.00 | 0.00 | 0.00 |
| 5. | AmBank Islamic | 10.00 | 17.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| 6. | Bank Pembangunan Malaysia Berhad | 7.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| 7. | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd. | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 25.72 |
| 8. | RHB Islamic Bank Berhad | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 17.00 |
| JUMLAH | | 47.00 | 47.00 | 47.00 | 47.72 | 47.72 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 hingga 2021

9.3. Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan. Baki Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 menurun sebanyak RM1.66 juta (0.2%) menjadi RM927.53 juta berbanding RM929.19 juta pada tahun 2020.

9.3.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM2 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Bayaran balik ini adalah bayaran bagi tunggakan dan tiada bayaran balik anuiti pada tahun 2021. Kedudukan Hutang Awam pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|---------------|---|---------------|---------------|---------------|--------------|
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Rancangan Bekalan Air | 721.28 | 721.28 | 0.00 | 0.0 |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah | 74.97 | 75.45 | (0.48) | (0.6) |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 15.23 | 15.92 | (0.69) | (4.3) |
| 4. | Pelbagai | 116.05 | 116.54 | (0.49) | (0.4) |
| JUMLAH | | 927.53 | 929.19 | (1.66) | (0.2) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

9.3.3. Pada tahun 2021, tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sebanyak RM47.57 juta (13%) menjadi RM412.43 juta berbanding RM364.86 juta pada tahun 2020. Tunggakan sejumlah RM412.43 juta terdiri daripada tunggakan pokok berjumlah RM402.5 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM9.93 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | TUJUAN PINJAMAN | 2021 | 2020 | PERUBAHAN | |
|---------------|---|---------------|---------------|--------------|-------------|
| | | (RM Juta) | (RM Juta) | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Rancangan Bekalan Air | 310.85 | 273.31 | 37.54 | 13.7 |
| 2. | Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) | 12.67 | 8.60 | 4.07 | 47.3 |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan | 1.09 | 0.70 | 0.39 | 55.7 |
| 4. | Pelbagai | 87.82 | 82.25 | 5.57 | 6.8 |
| JUMLAH | | 412.43 | 364.86 | 47.57 | 13.0 |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

9.3.4. Tunggakan bayaran balik pinjaman tersebut melibatkan tunggakan bagi lapan projek Rancangan Bekalan Air berjumlah RM310.85 juta yang belum diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), empat projek Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM12.67 juta, satu projek Perbadanan Kemajuan Negeri berjumlah RM1.09 juta dan enam projek Pelbagai berjumlah RM87.82 juta.

**Maklum Balas PKN/Jabatan yang Diterima pada 26 Mei 2022 dan 9 Jun 2022,
Penjelasan oleh PKN Semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 30 Mei 2021 dan
Mesyuarat Penutup pada 1 Julai 2022**

Tindakan lanjut yang telah diambil oleh Kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu ini adalah seperti berikut:

- membangkitkan isu penyelesaian hutang awam Kerajaan negeri dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara sejak tahun 2018 di mana Kerajaan negeri telah

mengesyorkan agar baki Pinjaman Hutang Awam Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan diselesaikan secara kontra dengan tunggakan premium tanah Pusat Latihan Gabungan Pasukan Tempur Tentera Darat (PLGPTTD) di Kem Tentera Syed Sirajuddin, Gemas;

- isu ini turut dibangkitkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-138 yang telah diadakan pada 8 Mac 2022. Pada mesyuarat tersebut, pada dasarnya Kementerian Pertahanan (MINDEF) bersetuju bahawa tunggakan premium tanah yang masih berbaki selepas pelaksanaan pelarasan kontra dengan jumlah baki Hutang Awam Kerajaan negeri, akan dibayar oleh pihak MINDEF secara ansuran berperingkat selama 10 tahun; dan
- mengadakan satu sesi perbincangan dengan MINDEF pada 1 Jun 2022 semasa sesi Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha MINDEF bagi membincangkan cadangan hala tuju perolehan tanah di PLGPTTD, Kem Tentera Syed Sirajuddin, Gemas dan persetujuan kedua belah pihak adalah seperti berikut:
 - kedua belah pihak bersetuju mengeluarkan keluasan tanah *Firing Ground J* daripada pengiraan premium tanah kerana pihak MINDEF telah mengemukakan dokumen warta sebagai bukti pendudukan tentera di tapak tanah *Firing Ground J* sebelum merdeka;
 - kadar penilaian JPPH diguna pakai dan jumlah premium tanah adalah berdasarkan keluasan baharu yang telah dipersetujui bersama oleh kedua belah pihak dianggarkan berjumlah RM1.2 bilion;
 - bayaran pertama adalah tidak kurang dari RM100 juta supaya hak milik dapat dikeluarkan;
 - kadar cukai tahunan baharu dengan mengambil kira keluasan tanah yang telah dipersetujui bersama berjumlah RM9 juta setahun; dan
 - kaedah bayaran akan dimaklumkan oleh pihak MINDEF selepas diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM)

**Pernyataan
Audit**

**Usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan negeri adalah baik
bagi mengutip tunggakan premium tanah dan melunaskan
baki/tunggakan pinjaman Kerajaan negeri kepada Kerajaan
Persekutuan.**

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) ataupun tunggakan hasil merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri berasaskan kepada bil, invois dan sebagainya. Pada tahun 2021, ABT bagi 19 pemungut hasil berjumlah RM145.15 juta, menurun sebanyak RM4.25 juta (2.8%) berbanding RM149.40 juta pada tahun 2020. Kedudukan ABT pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | JENIS HASIL | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|-------------------------------|-------------------|-------------------|---------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Cukai Tanah (PDT)/Denda Lewat | 75.65 | 77.83 | (2.18) | (2.8) |
| 2. | Jualan Air (JBA) | 28.26 | 28.97 | (0.71) | (2.5) |
| 3. | Caj Air Mentah (BKSA) | 24.21 | 25.38 | (1.17) | (4.6) |
| 4. | Hasil-hasil Lain | 17.03 | 17.22 | (0.19) | (1.1) |
| JUMLAH | | 145.15 | 149.40 | (4.25) | (2.8) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

10.1.2. Penurunan ABT disebabkan oleh penurunan semua jenis hasil kecuali duti hiburan dan sewa gerai. Penurunan tunggakan cukai tanah sebanyak RM2.18 juta (2.8%) kepada RM75.65 juta berbanding RM77.83 juta pada tahun 2020, manakala tunggakan caj air mentah domestik Badan Kawal Selia Air (BKSA) menurun sebanyak RM1.17 juta (4.6%) kepada RM24.21 juta berbanding RM25.38 juta pada tahun 2020. Selain itu, tunggakan jualan air Jabatan Bekalan Air (JBA) menurun sebanyak RM0.71 juta (2.5%) kepada RM28.26 juta berbanding RM28.97 juta pada tahun 2020. Manakala ABT bagi Hasil-hasil Lain menunjukkan penurunan sebanyak RM0.19 juta (1.1%) kepada RM17.03 juta pada tahun 2021 berbanding RM17.22 juta pada tahun 2020. ABT Hasil-hasil Lain terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM12.89 juta, tunggakan sewa bangunan kediaman kerajaan (Rumah Awam Harga Rendah) berjumlah RM3.20 juta, duti hiburan berjumlah RM0.86 juta, tunggakan sewa gerai berjumlah RM0.02 juta dan hasil pelbagai berjumlah RM0.06 juta.

10.1.3. Pada keseluruhannya, ABT Cukai Tanah menurun sebanyak RM2.18 juta (2.8%) kepada RM75.65 juta berbanding RM77.83 juta pada tahun 2020. Enam Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) menunjukkan penurunan tunggakan cukai tanah antara 1.8% hingga 58.6%. Manakala hanya dua PDT menunjukkan peningkatan antara 12.2% hingga 19.3%. Tunggakan cukai tanah mengikut PDT adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

| BIL. | PEJABAT DAERAH DAN TANAH | 2021 (RM Juta) | 2020 (RM Juta) | PERUBAHAN | |
|---------------|--------------------------|-------------------|-------------------|---------------|--------------|
| | | | | (RM Juta) | (%) |
| 1. | Seremban | 51.90 | 52.83 | (0.93) | (1.8) |
| 2. | Port Dickson | 17.65 | 15.73 | 1.92 | 12.2 |
| 3. | Jempol | 2.12 | 5.12 | (3.00) | (58.6) |
| 4. | Tampin | 1.30 | 1.09 | 0.21 | 19.3 |
| 5. | Gemas | 0.73 | 0.79 | (0.06) | (7.6) |
| 6. | Rembau | 0.67 | 0.78 | (0.11) | (14.1) |
| 7. | Jelebu | 0.66 | 0.69 | (0.03) | (4.3) |
| 8. | Kuala Pilah | 0.62 | 0.80 | (0.18) | (22.5) |
| JUMLAH | | 75.65 | 77.83 | (2.18) | (2.8) |

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 dan 2020

10.1.4. Pada tahun 2021, **Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan sebanyak 72 permohonan hapus kira hasil berjumlah RM5.67 juta, berbanding 84 permohonan berjumlah RM6.57 juta pada tahun 2020**.

Jumlah ini berkurangan sebanyak RM0.90 juta pada tahun 2021 berbanding jumlah hapus kira pada tahun 2020. Hapus kira yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada tahun 2021 adalah hapus kira ke atas tunggakan Cukai Tanah, Notis 6A di PDT berjumlah RM3.64 juta, sewaan perumahan awam Kerajaan negeri di bawah seliaan Bahagian Perumahan, Pejabat SUKNS berjumlah RM1.36 juta dan Jualan Air Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) bagi kategori agensi dan jabatan negeri berjumlah RM0.51 juta. Selain itu, Pegawai Kewangan Negeri (PKN) juga telah meluluskan hapus kira antaranya ke atas pelbagai sewaan berjumlah RM0.11 juta dan cukai taksiran yang dimohon oleh Majlis Bandaraya Seremban berjumlah RM0.05 juta.

10.1.5. Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021, sejumlah RM38.77 juta tunggakan hasil telah dihapus kira melalui kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

11. RUMUSAN AUDIT

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada akhir tahun 2021 adalah stabil. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:

- 11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan mencatatkan penurunan sebanyak RM151 juta (17.1%) iaitu daripada RM884.63 juta pada tahun 2020 kepada RM733.63 juta pada tahun 2021;
- 11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan penurunan daripada RM474.64 juta pada tahun 2020 kepada RM374.57 juta pada tahun 2021. Defisit yang direkodkan pada tahun 2021 adalah RM100.07 juta;
- 11.3. pembayaran di bawah AP 58(a) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri menurun dengan ketara sebanyak RM1.02 juta (50.5%) menjadi RM1 juta pada tahun 2021 berbanding RM2.02 juta pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, pembayaran berjumlah RM0.42 juta tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima;
- 11.4. baki Hutang Awam menurun sebanyak RM1.66 juta (0.2%) menjadi RM927.53 juta berbanding RM929.19 juta pada tahun 2020. Bagaimanapun jumlah tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah meningkat pada tahun 2021 sebanyak RM47.57 juta (13%) menjadi RM412.43 juta berbanding RM364.86 juta pada tahun 2020; dan
- 11.5. Akaun Belum Terima pada tahun 2021 menurun sebanyak RM4.25 juta (2.8%) menjadi RM145.15 juta berbanding RM149.40 juta pada tahun 2020.

12. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- 12.1. memastikan pematuhan terhadap AP 58(a) di mana permohonan pembayaran hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Selain itu, Pejabat Kewangan Negeri Sembilan perlu mengambil langkah penambahbaikan yang lebih proaktif bagi menangani isu berulang iaitu pembayaran di bawah AP 58(a);

- 12.2. meningkat dan mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan negeri serta meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar kerajaan tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri;
- 12.3. merangka strategi bagi meningkatkan hasil dan mempertingkat perbelanjaan pembangunan yang boleh memberikan pulangan dan menjana hasil kepada Kerajaan negeri untuk jangka masa panjang; dan
- 12.4. memantau serta berusaha memungut baki ABT sejumlah RM145.15 juta serta tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi negeri sejumlah RM13.99 juta. Liabiliti Kerajaan negeri juga perlu diimbangi dengan membuat pembayaran bagi Hutang Awam secara berkala dalam jumlah yang konsisten.